

## **ANALISIS ISU SAFAR WANITA TANPA MAHRAM DARI PERSPEKTIF *MAQASID AL-SHARI'AH***

**Mohd Shauqi Saiful Suhardi\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa

Kolej Universiti Islam Melaka

mohdshauqi@kuim.edu.my

**Muhammad Safwan Harun**

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

safone\_15@um.edu.my

**Mohd Sabree Nasri**

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa

Kolej Universiti Islam Melaka

mohdsabree@kuim.edu.my

\*Corresponding author

---

**Received Date:** 25 September 2020   **Accepted Date:** 2 November 2020   **Published Date:** 11 December 2020

---

### **ABSTRAK**

*Safar wanita* tanpa mahram untuk perjalanan jauh mengundang perbincangan yang panjang dalam kalangan sarjana Islam. Pandangan yang berbeza antara para ulama berlaku disebabkan beberapa teks syariat kelihatan seperti saling bercanggah dalam isu ini. Isu ini timbul kerana *safar* wanita pada masa kini merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan bagi menjalankan aktiviti dalam skop pendidikan, kerjaya dan muamalat harian yang lain. Keadaan ini mencetuskan jurang perbezaan yang besar sekiranya dibandingkan dengan konteks wanita pada zaman awal Islam. Justeru, kajian ini dihasilkan bagi menyelesaikan isu yang timbul berhubung *safar* wanita tanpa mahram berlandaskan dua objektif utama iaitu mendedahkan pandangan para *fuqaha* sekitar wacana isu ini serta menilai pandangan-pandangan tersebut daripada perspektif *maqasid al-shari'ah*. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada teks-teks *fiqh turath*, fatwa-fatwa kontemporari serta artikel-artikel yang berkaitan isu ini. Kajian merumuskan bahawa sekalipun terdapat perubahan dalam suasana zaman kini berbanding dahulu, namun perjalanan yang melibatkan wanita masih perlu ditemani sekurang-kurangnya daripada kalangan mereka yang *thiqah* sebagai langkah pencegahan daripada *mafsadah* yang tidak dapat diduga. Hal tersebut adalah bertepatan dengan prinsip '*itibar al-maalat*' dengan mengambil usaha pencegahan selari dengan kaedah *sadd al-dhari'ah*.

**Kata kunci:** *Safar Wanita, Maslahah, Maqasid Syariah, Sadd al-dhari'ah, 'Itibar al-maalat*

## **ABSTRACT**

### **ANALYSIS ON ISSUE REGARDING WOMEN TRAVELLING WITHOUT MAHRAM FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID AL-SHARI'AH**

*The concern of women travelling without mahram has long been inviting extensive and lengthy discussion among Islamic scholars. The vast difference in opinions among them is attributable to the seemingly contradicting shariah texts with regard to this matter. This issue has become a major concern in modern days since women travelling is inevitable for the sake of activity in education, productive career and other daily muamalat. This has created a huge contrast compared to the context of women in the early days of Islam. Thus, this research was conducted to solve the issue that arises regarding women travelling without mahrams based on two main objectives, namely to reveal the views of Islamic jurists around this topic and to evaluate those viewpoints from the perspective of maqasid al-shari'ah. This research was conducted referring to the texts of fiqh, contemporary fatwas as well as articles related to this issue. This research concludes that although there are changes in modern day environment, women travelling still requires companions, at least by those who are thiqa as a precautionary measure from mafsadah. This coincides with the principle of i'tibar al-maalat by taking preventive means that is in line with sadd al-dhari'ah method.*

**Keywords:** Women Travelling, Maslahah, Maqasid al-Shariah, Sadd al-dhari'ah, 'Itibar al-maalat

## **PENDAHULUAN**

Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk bergerak di seluruh pelosok muka bumi dengan tujuan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Malah, pada sebahagian keadaan umat manusia sememangnya dituntut untuk bergerak dengan tujuan mencari rezeki. Hal ini telah diberitakan oleh Allah SWT secara jelas dalam firman-Nya yang bermaksud: “Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah SWT.” (al-Jum’ah 62:10). Jika ayat ini diteliti dengan baik, dapat difahami bahawa pergerakan manusia di atas muka bumi mempunyai pelbagai tujuan yang menepati fitrah kejadian.

Walaupun begitu, dalam kes pergerakan wanita untuk perjalanan jauh, terdapat peruntukan *nas* syarak yang tidak mengharuskan permusafiran wanita dilakukan tanpa adanya mahram secara bersama. Syarat ini kelihatan menimbulkan kesulitan terhadap golongan wanita kerana muamalat mereka dalam konteks dunia hari ini seperti belajar, bekerja dan seumpamanya menuntut supaya mereka melakukan perjalanan jauh. Jika hal ini diperhatikan dari sudut hak asasi semata-mata, sudah tentu syariat Islam akan dilihat sebagai satu agama yang tidak meraikan kebebasan kepada kaum wanita. Lantaran itu, isu ini perlu diperhalusi dengan menilai kembali pandangan para *fuqaha* serta *maqasid al-shari'ah* di sebalik perintah *nas* syarak berkaitan bagi menonjolkan dinamika syariat Islam yang sesuai dipraktikkan pada setiap zaman.

## KONSEP SAFAR DAN MAHRAM DALAM ISLAM

*Safar* secara etimologinya diambil dari kata kerja *safara* (سفر) yang membawa maksud berjalan jauh melebihi jarak kebiasaan (Al-Fayyumi, t.th.). Manakala dari sudut terminologi Islam pula, sarjana *fiqh* berbeza pendapat dalam mendefinisikan *safar*. Perkara ini disebabkan perbezaan pendapat mereka terhadap tempoh dan jarak yang menjadikan seorang itu dianggap berada dalam *safar*. Misalnya, sebahagian sarjana *fiqh* mengatakan *safar* adalah berjalan jauh dengan jarak melebihi perjalanan unta selama 3 hari dan 3 malam (Hamid Farhan, 2004). Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa *safar* adalah berjalan keluar meninggalkan tempat permukiman secara umum tanpa ditentukan jaraknya (Ibn Hazm, t.th). Namun, pengkaji merumuskan bahawa *safar* ialah satu perjalanan keluar dari tempat permukiman dengan jarak yang dianggap oleh *uruf* masyarakat sebagai sebuah perjalanan jauh untuk tujuan yang diharuskan syarak.

Perkataan mahram pula dari sudut etimologi berasal dari perkataan *haram* (حرام) yang bermaksud larangan, dan perkataan mahram turut merujuk kepada mereka yang dilarang untuk dinikahi oleh seseorang wanita (Al-Razi, 1999). Manakala dari sudut terminologi Islam pula mahram merujuk sama ada kepada suami si wanita, atau mereka yang haram untuk menikahi wanita tersebut selama-lamanya dengan sebab *nasab* atau sebab lain seperti susuan atau persemedaan (Ibn Qudamah, 1968). Golongan yang menjadi mahram dengan sebab *nasab* adalah seperti anak lelaki, ayah, saudara lelaki, anak saudara lelaki dan pakcik sama ada melalui jalur ibu atau ayah kepada wanita tersebut. Mahram dengan sebab susuan juga melibatkan individu yang sama seperti *nasab*, ini bertepatan dengan apa yang disebutkan dalam hadis,

يحرم من الرضاع ما يحرم من النسب

“Mereka yang haram dikahwini kerana nasab keturunan, haram juga dikahwini dengan sebab susuan”.

(Al-Bukhari 2001, 3/170: No Hadith 2645)

Sementara, mahram dengan sebab persemedaan pula seperti ayah tiri, menantu, ayah mertua, anak suaminya. Berdasarkan kategori-kategori mahram yang dinyatakan, para ulama merumuskan bahawa mahram merupakan satu konsep yang memiliki ciri-cirinya yang khusus. Hasil penelitian dari sebahagian sarjana *fiqh*, dapat disimpulkan ciri-ciri mahram dan syarat-syaratnya adalah seperti berikut (Ibn Hajar, 1414H):

- i. Mahram tersebut mestilah secara *ta'bid* (selama-lamanya) dan sebabnya sama ada *nasab*, susuan, atau persemedaan.
- ii. Mahram mestilah sudah mencapai umur baligh atau yang berdekatan dengannya. Ini supaya keselamatan wanita yang diiringnya itu terjaga.
- iii. Sekiranya wanita yang melakukan *safar* tidak dapat membawa mahram, dan dia melakukan *safar* bersama wanita yang lain. Syarat wanita-wanita yang bersama dengannya mestilah *thiqah*, dan mencapai umur baligh atau berdekatan dengannya supaya keamanan dan keselamatan dapat dicapai.

Berdasarkan ciri-ciri yang dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa mahram merupakan golongan yang boleh dipercayai kerana mempunyai salasilah yang jelas dengan seseorang. Malah, jika diperhalusi ciri-ciri tersebut dalam konteks isu *safar* wanita dengan mahram, golongan mahram akan menjadi pelindung dan penjamin keamanan dan kesejahteraan perjalanan wanita sepanjang permusafirannya.

### **WACANA SAFAR WANITA TANPA MAHRAM DALAM KALANGAN FUQAHĀ**

Isu *safar* wanita tanpa mahram hakikatnya telah dibahaskan oleh para *fuqaha* di zaman klasik maupun kontemporari. Wacana yang panjang dalam isu ini secara tidak langsung menjelaskan signifikannya kajian semasa dijalankan. Malah, kajian semasa yang dijalankan ini adalah bertujuan menyelesaikan kemelut dinamika syariah yang kelihatan seperti tidak meraikan zaman. Lantaran itu, perbahasan isu ini melalui dimensi *maqasid al-shari'ah* mampu menonjolkan relevannya syariah pada setiap zaman dan masa.

Dalam isu ini, dapat dikelaskan pendapat para sarjana kepada tiga kategori secara umum mengikut pembahagian mazhab:

- i. Mazhab Hanafi dan mazhab Hambali melarang secara mutlak wanita melakukan *safar* tanpa mahram (Najah Al-Azzam, 2013).
- ii. Pandangan yang daif dalam mazhab Syafii membenarkan secara mutlak wanita melakukan *safar* tanpa mahram (Al-Nawawi, 1344H).
- iii. Mazhab Maliki (Al-Hattab, t.th) serta pandangan yang kuat dalam mazhab Syafii (Al-Ramli, 1414H) memperincikan isu ini kepada dua keadaan iaitu melarang wanita melakukan *safar* tanpa mahram sekiranya *safar* itu bukan keperluan, dan membenarkan sekiranya ada keperluan samada bersama gerombolan manusia lain yang terjamin keselamatannya atau wanita yang *thiqah*.

Pandangan golongan Hanafiah dan Hanabilah adalah berdasarkan Hadis Abu Hurairah R.A,

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تُسَافِرْ مَسِيرَةَ يَوْمٍ وَلَيْلَةً لَيْسَ مَعَهَا حُرْكَةً

*“Tidak dibolehkan wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhirat untuk melakukan safar perjalanan satu hari satu malam tanpa ada mahram.”*

(Al-Bukhari 1987, 1/369: No Hadis 1038)

Selain itu, mereka juga berhujah dengan hadis Ibn Abbas yang meriwayatkan bahawa:

لَا تَحْجَجْنَ امْرَأَةٌ إِلَّا وَمَعَهَا حَرْمٌ

*“Tidak boleh seorang wanita menunaikan haji tanpa disertai mahram bersamanya.”*

(Al-Daruqutni 1987, 2/222: No Hadis 30)

Dapat difahami daripada hadis ini bahawa, sekiranya urusan *safar* untuk menunaikan haji yang wajib tidak dibolehkan, maka larangan yang lebih kuat pasti berlaku ke atas *safar* yang tidak wajib. Di samping itu, mereka juga berpendapat bahawa larangan ini dapat memelihara wanita-wanita dari bahaya yang akan menimpanya sepanjang perjalanan daripada orang-orang yang berniat tidak baik.

Sementara itu, hujah yang digunakan bagi pendapat kedua pula adalah berasaskan daripada hadis ‘Adi bin Hatim seperti berikut:

عَنْ عُدِيِّ بْنِ حَاتَمَ قَالَ: بَيْنَمَا أَنَا عِنْدَ النَّبِيِّ إِذَا تَاهَ رَجُلٌ فَشَكَّا إِلَيْهِ الْفَاقَةُ، ثُمَّ أَتَاهُ أَخْرَى فَشَكَّا إِلَيْهِ قَطْعَ السَّبِيلِ، فَقَالَ: يَا عُدِيَّ هَلْ رَأَيْتِ الْحِيرَةَ؟ قَالَ: لَمْ أَرَهَا وَقَدْ أُنْسِيْتُ عَنْهَا. قَالَ: إِنَّ طَالَتْ بَكَ حِيَاةُ لَتَرِينَ الظُّعِنَةَ تَرْحَلُ مِنَ الْحِيرَةِ حَتَّى تَطُوفَ بِالْكَعْبَةِ لَا تَخَافُ أَحَدًا إِلَّا اللَّهُ

“Daripada Adi bin Hatim r.a katanya: Ketika aku berada di sisi Nabi s.a.w ketika datangnya seorang lelaki mengadu kepada baginda tentang kemiskinan hidupnya dan datang pula seorang lelaki yang mengadu terhalang perjalanannya, maka Nabi s.a.w berkata: “Wahai Adi, sudahkah kamu melihat Hirah?” Jawabku: Belum pernah aku melihatnya tetapi aku mendengar cerita berkenaan. Kata Rasulullah s.a.w: “Jika umurmu panjang kamu akan lihat seorang wanita mengembara daripada Hirah sehingga dia bertawaf di Kaabah tanpa takut kepada sesiapa pun kecuali Allah.”

(Bukhari 1987, 3/1316: No. Hadis 3400)

Hadis tersebut menunjukkan bahawa wanita boleh melakukan safar walaupun tidak disertai mahram sekiranya dia dapat menjaga dirinya sepanjang perjalanan. Seterusnya, hujah pendapat ketiga pula adalah bersandarkan firman Allah SWT:

﴿وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا﴾

“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji (dengan mengunjungi Baitullah) bagi yang mampu”

(Quran, Ali Imran, 3: 97)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT mewajibkan semua lelaki dan wanita untuk menunaikan haji di Baitullah sekiranya mempunyai kenderaan dan cukup bekalan. Oleh itu, wanita yang cukup syarat tersebut wajib melakukan *safar* untuk haji walaupun tanpa disertai mahram. Selain itu, aliran ini juga mengeluarkan pandangan berdasarkan kaedah *sadd al-zarai'*. Alasan ini juga selari dengan pandangan Ibn Taimiyah yang menegaskan bahawa *safar* wanita tanpa mahram tidak dibenarkan sekiranya menjurus kepada *mafsadah*. Namun, sekiranya ada maslahat yang lebih kuat maka *safar* itu akan dibenarkan seperti yang dibincangkan dalam kaedah *sadd al-zarai'* (Ibn Taimiyah, 1996). Kata beliau,

*“Allah sebagai al-Shari’ telah menutup jalan pada beberapa tempat, namun dengan syarat perkara itu tidaklah sampai menghilangkan maslahat yang lebih kuat. Oleh sebab itu, dibenarkan untuk melihat wanita ajnabi dalam pertunangan kerana ada maslahat yang lebih kuat di situ. Namun, sekiranya tiada hajat maka tidak dibolehkan. Begitu juga dalam kes safar wanita tanpa disertai mahram dibolehkan sekiranya ada maslahat yang lebih kuat di situ.”*

Di samping itu, pendapat golongan ketiga ini turut berlandaskan konsep ‘taghayyur al-fatwa li taghayyuri al-zaman wa al-hal’ iaitu berubahnya hukum dengan sebab berubahnya masa dan keadaan. Ini dapat dilihat pada pandangan Ibn Taimiyah yang membenarkan *safar* wanita tanpa disertai mahram setelah keadaan berubah menjadi lebih selamat walaupun sebelumnya Ibn Taimiyah pernah mengharamkannya dalam penulisannya yang terdahulu (Ibn Taimiyah, 1996).

Sekalipun secara asasnya terdapat tiga pandangan dalam isu *safar* wanita tanpa mahram, namun para *fuqaha* sepakat mengharuskan permusafiran wanita sekiranya ia berada dalam situasi darurat. Misalnya, seorang wanita yang memeluk agama Islam ketika berada dalam negara *harbi* perlu melakukan *safar* dengan tujuan berhijrah sekalipun tidak bersama dengan mahramnya demi menyelamatkan nyawa dan agamanya. Hukum yang sama turut terpakai kepada mana-mana wanita yang ditimpa dengan penyakit yang kritikal dan perlu bermusafir untuk mendapatkan rawatan bagi menyelamatkan nyawanya. Dalam hal ini, wanita tersebut diharuskan untuk bermusafir sekalipun ada mahramnya namun dia tidak mampu menanggung kos perjalanan mahramnya itu (Al-Hamawi, 1985).

Namun begitu, para *fuqaha* berbeza pandangan dalam isu *safar* wanita tanpa mahram bagi tujuan menunaikan haji. Terdapat pandangan yang berbeza bagi perjalanan wanita menunaikan haji disebabkan perintah melaksanakan haji dan melakukan *safar* ke Mekah dilihat bertentangan dengan larangan-larangan untuk wanita melakukan *safar* tanpa mahram. Bagi sarjana yang mengutamakan ayat perintah haji yang bersifat umum melebihi larangan wanita melakukan *safar* tanpa mahram yang lebih khusus, mereka berpendapat boleh untuk wanita melakukan *safar* ke Mekah untuk menunaikan haji walaupun tanpa mahram. Namun sebaliknya, sarjana yang mengutamakan larangan musafir dan menjadikan nas larangan tersebut sebagai *takhsis* kepada perintah umum haji, maka mereka berpendapat wanita tidak boleh melakukan *safar* ke Mekah dengan tanpa disertai mahram. (Ibn Rusyd, 1995)

Kedua, nas-nas berkaitan dengan *safar* wanita tidak disebutkan *illahnya* secara jelas. Malah, ‘*ilal* yang disebutkan oleh para sarjana *fiqh* pula adalah berdasarkan ijtihad mereka. Lantaran itu, sebahagian ulama berijtihad bahawa *illah* larangan *safar* wanita tanpa mahram adalah kerana fitrah wanita itu sendiri yang lemah, dan mudah terdedah kepada fitnah yang menyebabkan hukumnya akan kekal. Sebahagian yang lain pula berpendapat, *illahnya* berkait dengan keselamatan dan suasana. Kesan daripada ijtihad ini, apabila keselamatan dan suasana berubah maka hukum juga akan berubah. Sementara itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan *illah* adalah pada kedua-duanya. Daripada pandangan yang pelbagai tersebut, dapat dibuktikan bahawa ‘*illah* larangan *safar* wanita tanpa mahram tidak disebutkan secara jelas dalam nas larangan yang berkaitan. Kerana itu juga, sebahagian sarjana Islam menganggap bahawa hukum yang diperintahkan oleh nas dalam isu ini bersifat *taabudiyyah* (tiada *illah*) yang perlu dituruti (Al-Qaradawi, 2005).

Memperhalusi perbahasan tentang *safar* wanita tanpa mahram melalui pandangan yang dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa para *fuqaha'* mengharuskan permusafiran wanita sekiranya berada dalam situasi darurat. Misalnya, *safar* wanita yang baru memeluk agama Islam dibenarkan sekalipun tiada bersamanya mahram. Hal ini bagi melindungi agama dan nyawanya daripada musnah. Berdasarkan contoh ini, hakikatnya berlaku pengecualian hukum '*azimah*' dengan mengambil hukum *rukhsah* dalam situasi darurat. Bermakna, hukum yang dinaskan tidak dapat dilaksanakan dengan adanya keadaan yang darurat. Namun begitu, persoalan yang timbul dalam isu ini ialah adakah perjalanan wanita tanpa mahram tetap terhalang sekalipun '*illah*' larangan telah tiada. Ini kerana, *safar* wanita tanpa mahram untuk tujuan pendidikan, pekerjaan, perhimpunan, kekeluargaan dan sebagainya menimbulkan persoalan yang besar dan perlu diperhalusi dalam skop kehidupan semasa.

Menariknya, isu ini turut mendapat perhatian dalam wacana fekah kontemporari di mana secara asasnya masih berlegar mengikut dua pandangan *fuqaha* awal iaitu sebahagian mengharamkan *safar* sementara sebahagian yang lain mengharuskannya. Antara ulama yang berpandangan haram bagi wanita untuk bermusafir tanpa mahram ialah Abdul Aziz bin Baz, Muhammad bin Soleh al-Uthaimeen dan Soleh al-Fauzan (Al-Musaimiri, 1426H). Sekalipun zaman telah berubah dengan penciptaan pengangkutan moden seperti kapal terbang, kereta api, bas dan sebagainya, namun nas tetap relevan untuk dipraktikkan. Pandangan yang sama turut ditegaskan oleh Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti dengan mengecualikan larangan nas berkaitan dalam situasi *safar* darurat seperti menunaikan haji yang fardu (al-Buti, 2016).

Pendapat sebaliknya pula berpandangan hukum *safar* wanita tanpa mahram adalah harus dengan syarat menggunakan pengangkutan yang selamat seperti dengan kapal terbang, atau bersama dengan wanita-wanita lain yang *thiqah*. Antara sarjana yang berfatwa begini ialah Mufti Mesir, Abdul Muhsin al-Obeikan, dan disokong oleh Abdulllah al Mutlaq yang juga merupakan ahli *Haiah Kibar Ulama* Arab Saudi dan ahli *Lajnah Daimah lil iftaa'* Arab Saudi, dan Sheikh Abdulllah bin Jibrin seperti yang didapati dari laman-laman web fatwa mereka (Shauqi 'Allam, 2012).

Selain itu, antara sarjana yang turut memfatwakan harus ialah Yusuf al-Qaradawi. Dalam hal ini, beliau berpandangan bahawa wanita diharuskan bermusafir tanpa mahram jika terdapat *al-hajah* atau *al-darurah* serta cukupnya syarat keamanan dengan diiringi oleh rakan rombongan yang baik dan dipercayai (Al-Qaradawi, 2020). Hal ini dapat diperhatikan dalam fatwanya ketika membincangkan isu ini seperti berikut:

"الأصل المقرر في شريعة الإسلام ألا ت safar المرأة وحدها، بل يجب أن تكون في  
صحبة زوجها أو ذي حرم لها، ولكن إذا لم تجد محرماً يصحبها في سفر مشروع  
واجب، أو مستحب، أو مباح، وكان معها بعض الرجال المؤمنين، أو النساء  
الثقافات، أو كان الطريق آمناً خاصة بعدما أصبح السفر بواسطة أدوات النقل التي  
تجمع العدد الكبير من الناس فلا تكون المرأة وحدها في موطن من المواطن، فلا  
حرج أن ت safar مع توافر هذا الجو الذي يوحى بكل اطمئنان"

*“Hukum asal yang ditetapkan oleh syariat kita adalah tidak patut seorang wanita itu melakukan safar berseorangan. Safar itu mestilah sama ada dengan suaminya, atau mahramnya. Sekiranya dia tidak boleh mendapatkan mahram untuk melakukan safar bersamanya. Maka tiada masalah untuk dia melakukan safar bersama dengan beberapa orang lelaki yang soleh, atau beberapa orang wanita yang thiqah atau perjalanan itu sendiri dalam keadaan aman, khusus pada zaman sekarang yang mana sistem pengangkutan menghimpunkan ramai kelompok manusia. Jadi perempuan itu tidaklah melakukan safar keseorangan dalam mana-mana keadaan, dan perempuan itu dapat melakukan safar dengan penuh ketenangan”*

Fatwa al-Qaradawi tersebut merupakan hasil penilaian semula pandangan fekah dalam khazanah turath. Dalam hal ini, terdapat dua sandaran penting yang menjadi dasar ijtihad tokoh iaitu kaedah asal hukum-hukum adat dan muamalat ialah melihat kepada *maqasid* dan tujuan. Ini berbeza dengan hukum-hukum berkenaan ibadat yang bersifat *ta’abbudi*, di mana perlu dilakukan tanpa melihat kepada makna dan *maqasid* sepertimana yang ditegaskan oleh al-Shatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqat* (Al-Shatibi, 1975). Kedua, fatwa ini turut menerapkan kaedah *usuliyah* yang menyebutkan ‘*Ma hurrima lizatih la yubah illa li al-Darurah wa Amma Ma Hurrima Saddan Lil Zari’ah Fainnahu Yubahu Lil Hajah*’ yang bermaksud sesuatu yang diharamkan dengan sebab dirinya tidak akan sesekali dibenarkan melainkan jika ada *al-darurah*, namun sesuatu yang diharamkan berdasarkan *sadd zara’i* maka ia dibolehkan sekiranya wujudnya *al-hajah*. Tidak dapat dinafikan isu *safar* wanita ini adalah kategori haram yang disebabkan oleh *sadd zara’i* seperti yang disebut oleh sarjana Islam seperti Ibn Taimiyyah (1996) dan Rashid Rida (1984).

## **MENILAI PANDANGAN FUQAHĀ DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH**

Setelah menilai pendapat sarjana *fiqh* terhadap isu ini serta menganalisis dalil-dalil mereka, pengkaji cenderung untuk tidak mentarjihkan salah satu pandangan yang dikemukakan sarjana *fiqh* sebelum-sebelum ini. Pengkaji melihat keperluan menggabungkan beberapa pandangan yang ada. Perincian adalah seperti berikut:

- i. Tiada perbeaan yang konkret yang boleh kita sandarkan dalam membezakan antara *safar* wajib dan *safar* lainnya yang sunat dan harus. Oleh itu, hukum *safar* yang berstatus wajib juga adalah seperti *safar* yang bersifat *al-hajiyat* lainnya.
- ii. Asal hukum ialah wanita tidak dibenarkan untuk melakukan *safar* melainkan mahram atau suami ada bersamanya. Ini mengambil kira wujudnya dalil-dalil yang jelas dan sahih yang melarang wanita daripada melakukan *safar* tanpa mahram dalam riwayat yang banyak, dan keadaan hadis yang bersifat umum yang tidak membezakan antara kategori *safar* dan tidak membezakan berdasarkan kepada tujuan *safar* dan lainnya. Selain itu pandangan ini diambil bagi mengelak terlibat dalam pertelingkahan dalam kalangan ulama’. Namun, situasi ini perlu dilihat sebagai memberikan perlindungan dan penghormatan kepada wanita, dan bukannya satu diskriminasi gender atau meletakkan wanita di taraf yang lebih rendah. Semua maklum bahawa kesan fitnah ke atas wanita adalah berbeza dengan kesan fitnah ke atas lelaki, justeru banyak undang-undang perlindungan dalam islam dikenakan ke atas wanita berbanding lelaki.

- iii. Namun, kefahaman tentang konsep *maqasid al-shariah* dan *waqi'* semasa pula menuntut kita untuk tidak menyempitkan isu ini dan tidak mengabaikan *maslahah* pada masyarakat umumnya dan pada wanita khususnya. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekiranya *maslahah* lebih kuat dan pasti, manakala *mafsadah* pula lemah atau hampir tiada.
- iv. Berdasarkan penelitian, telah jelas bahawa larangan melakukan *safar* tanpa mahram terhadap wanita adalah dalam kategori haram yang berpunca dari *sadd zara'i*. Jadi apa yang diharamkan kerana *sadd zara'i* dibolehkan sekiranya ada *al-hajat* berdasarkan kaedah '*ma hurrima saddan lil zari'ah fainnahu yubahu lil hajah*'.
- v. Hukum *safar* wanita tanpa mahram dibenarkan dengan adanya *al-hajat* iaitu bagi menjalankan aktiviti pendidikan, kerjaya dan muamalat harian yang lain. Namun, perjalanan yang melibatkan wanita masih perlu ditemani sekurang-kurangnya daripada kalangan mereka yang *thiqah* sebagai langkah pencegahan daripada *mafsadah* yang tidak dapat diduga. Hal tersebut adalah bertepatan dengan prinsip '*itibar al-maalat* dengan mengambil usaha pencegahan selari dengan kaedah *sadd al-dhari'ah*.

## PENUTUP

Penelitian terhadap isu *safar* wanita tanpa mahram memerlukan kepada penguasaan *nas-nas* syarak yang kukuh berdasarkan kerangka maqasid. Perkara ini penting agar syariah akan terus relevan dalam *waqi'* semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Dapatkan hasil kajian diharapkan dapat membantu dan memberi pencerahan kepada institusi-institusi Islam seperti majlis fatwa dalam membincangkan isu ini, agar sentiasa seiring dan sesuai dengan maslahat umum dan suasana semasa.

## RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. (1407 H). *Sahih Al-Bukhari*. Jil. 1. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. (1422 H). *Sahih Al-Bukhari*. Jil. 3. Dar Tauq Al-Najah.
- Al-Būtī, Muhammad Sa'id Ramadan. (2016). *Istiftāat al-Nās li Imām al-Shāhid al-Būtī 'alā Mawqi' Nasīm al-Shām*. t.tp: Nasīm al-Shām.
- Al-Daruqutni, 'Ali Ibn 'Umar. (t.th). *Sunan Al-Daruqutni*. Jil. 2. Beirut: 'Alam Al-Kutub.
- Al-Fayyumi, Ahmad Ibn Muhammad. (t.th). *Al-Misbah Al-Munir Fi Gharib Al-Syarh al-Kabir*. Jil. 1 Beirūt: Maktabah Al-Alamiyyah.
- Al-Hamawi, Ahmad Ibn Muhammad. (1405 H). *Ghamz Uyun Al-Basair Syarh Al-Asybah wa Al-Nazair*. Jil.1. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah
- Al-Hattab, Muhammad Al-Ru'aini. (t. th). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Khalil*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Musaimiri. (1426H). *Jam'u al-Maghnam fi Hukm Safar al-Mar'ah Bi La Mahram*. Al-Maktabah Al-Shamilah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf. (1344H). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jil. 8. Al-Matba'ah Al-Muniriah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2005). *Dirasat Fi Fiqh Maqasid al-Shariah bain al-Maqasid al-Kulliyah wa al-Nusus al-Juziyyah*. Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2020). Haj Al-Mar'ah bi la Al-Mahram. <https://www.al-qaradawi.net/node/3976>. [21 Julai 2020]
- Al-Ramli, Muhammad Ibn Ahmad. (1414H). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Razi, Zain Al-Din. (1999). *Mukhtar al-Sihah*. Jil.1. Beirut: Al-Maktabah Al-Asriyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim Al-Gharnati. (1975). *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Fiqh*. Jil. 1. Beirut: Dar Al-

Ma'rifah

- Hamid Farhan. (2004). Athar Wasai'l Al-Safar Al-Hadithah 'ala Rukhas al-Safar wa 'ala Safar al-Mara'h bi dun Al-Mahram. *Majallah al-Dirasat alIjtima'iyyah*. Vol 9: Issue 2.
- Ibn Hajar, Ahmad Ibn Ali Al-'Asqalani. (1414 H). *Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Jil.1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Ali Al-Andalusi. (t.th). *Al-Muhalla*. Jil.3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Al-Maqdisi. (1968). *Al-Mughni*. Jil.3. Maktabah Al-Qahirah.
- Ibn Rushd, Ahmad Ibn Rushd. (1995). *Bidayat al-Mujathid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jil, 1. Beirut: Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Ibn Abd Al-Halim. (1996). *Tafsir Ayat Ashkalat 'Ala Kathir Min Al-Ulama'*. Jil. 2. Riyadh: Maktabah Al-Rusyd.
- Najah Al-Azzam. (2013). Al-Ahadith Al-Nabawiyah Al-Waridah fi Safar al-Mar'ah Ma'a Wujud Al-Mahram Ma'aha. *Majallah Al-Urduniyyah fi Al-Dirasat Al-Islamiyyah*. Vol 11: Issue 2.
- Rashīd Riḍā, Muḥammad (1984). *Huqūq al-Nisā' fī al-Islām*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Shauqi 'Allam. (2012). Hukm Safar Al-Mar'ah bi dun Al-Mahram. <http://www.dar-alifta.org/Fatawa.aspx>. [9 Julai 2012].